

**PROGRAM SEHARI BERSAMA SARAWAK BANK EMPLOYEES UNION (SBEU)  
di UNION YES RETREAT & TRAINING CENTRE, LUNDU.**

Oleh: Rohini A/P Paneerselvan

Perwakilan Jawatankuasa Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan dengan kerjasama Penyelaras Program, Dr Dzulzalani bin Eden telah menganjurkan sebuah program sehari bersama *Sarawak Bank Employees Union (SBEU)* pada 23 Mei 2015 bertempat di Union Yes



Pelajar Bertolak ke Union Yes Retreat

Retreat & Training Centre, Lundu. Program ini telah dihadiri oleh seramai 63 orang pelajar Tahun 2 Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan, Fakulti Sains Sosial, UNIMAS dan tiga orang pensyarah iaitu Dr Dzulzalani Bin Eden, Pn Dayang Asmah bt. Awang Hamdan dan Encik Mohd. Azizul Hariz Jamain. Program ini bermula dari pukul 7.00 pagi hingga 5:00 petang.

Dua buah bas yang membawa pelajar-pelajar telah bertolak seawal jam 7.30 pagi setelah selesai sesi pendaftaran dan taklimat ringkas serta pembahagian sarapan pagi kepada semua pelajar. Rombongan ini telah sampai di *Union Yes Retreat & Training Centre, Lundu* pada jam 9.30 pagi.

Program ini telah dimulakan dengan taklimat keselamatan kepada semua peserta diikuti dengan penerangan berkaitan kemudahan-kemudahan yang disediakan di Union Yes Retreat daripada wakil pusat latihan berkenaan.



Sekumpulan Pelajar Yang Menyertai Program Sehari Bersama SBEU



Pelajar-Pelajar Tahun 2 menghadiri sesi ceramah

Pada jam 10.30 pagi peserta telah menghadiri sesi ceramah yang telah disampaikan oleh Encik Andrew Lo Kian Nyan selaku *Chief Executive Officer* kepada Sarawak Bank Employees Union yang juga merupakan Setiausaha kepada *Malaysian Trade Union Congress*. Sesi ceramah beliau yang berlangsung selama dua jam telah bermula dengan tayangan video berkaitan sejarah

penubuhan SBEU. Sesi berkenaan telah diteruskan dengan penerangan berkaitan fungsi dan tujuan penubuhan kesatuan sekerja, amalan dan kes-kes berkaitan hubungan industri di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Sesi berkenaan yang juga telah memberikan peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan penceramah adalah sangat berguna



Encik Andrew Lo Kian Nyan Menyampaikan Ceramah

kerana ia merupakan salah satu aktiviti bersama industri di bawah kursus SSB2054 Kesatuan Sekerja dan Sistem Hubungan Industri. Sebagai contoh penceramah telah berkongsi dengan pelajar berkaitan perkara-perkara berikut:



Sesi Soal Jawab di antara Pelajar dan Penceramah

- ✚ Fungsi dan peranan sesebuah Kesatuan Sekerja dalam menjaga kebajikan pekerja secara keseluruhannya.
- ✚ Perbandingan faedah menyertai kesatuan sekerja berlandaskan perubahan dalam pasaran pekerjaan dan perhubungan perusahaan semasa.
- ✚ Penjelasan mengenai keperluan dan kepentingan wujudnya kesatuan sekerja.

Di samping menyediakan nota taklimat kepada peserta, Encik Andrew Lo juga telah mengedarkan risalah dan cenderahati kepada semua pelajar yang menyertai program ini. Sebagai tanda penghargaan kepada Encik Andrew Lo Kian Nyan, pihak Perwakilan Jawatankuasa Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan telah memberikan cenderahati kepada beliau yang telah disampaikan oleh oleh Dr Dzulzalani bin Eden dengan diiringi oleh Pengarah Projek, Miss Emellia Binti Andrew@Ilup.

Setelah tamatnya sesi ceramah, program ini diteruskan dengan aktiviti riadah dan makan tengah hari secara *barbeque* untuk memberikan peluang kepada pelajar berkerjasama dan



Permainan Bola Air

berinteraksi sambil beriadah. Di samping itu pelajar-pelajar juga telah menjalankan aktiviti seperti permainan bola air dan sesi perkongsian pengalaman.

Tepat pada jam 5.00 petang bas telah bertolak balik ke Unimas dan sampai pada pada jam 7.00 petang menandakan tamatnya program berkenaan yang telah berjalan dengan lancar tanpa sebarang isu atau masalah.

Kesemua pelajar telah berpuashati dengan pengalaman dan pembelajaran yang telah mereka perolehi di luar bilik kuliah serta pengalaman baharu yang diperolehi daripada pihak industri.



Sesi Perkongsian Pengalaman

Secara keseluruhannya program ini berjalan dengan lancar dan adalah diharap program seperti ini akan diadakan lagi di masa akan datang. Program Sehari Bersama Sarawak *Bank Employees Union* secara tidak langsung telah memberikan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang amat bermakna kepada peserta. Selain itu, hubungan diantara para peserta dan pensyarah telah dapat dieratkan melalui program seperti ini.



Sesi Bergambar Pelajar Bersama Pensyarah